

**HUBUNGAN ANTARA SIKAP GURU TERHADAP AKTIVITI KOKURIKULUM
DENGAN PENGURUSAN KOKURIKULUM SEKOLAH BERASRAMA
PENUH DI NEGERI SELANGOR**

AZWAN BIN WAMIN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum dengan pengurusan kokurikulum di Sekolah Berasrama Penuh di Negeri Selangor. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif di mana sampel kajian melibatkan seramai 217 orang guru di Sembilan buah Sekolah Berasrama Penuh di Negeri Selangor. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, ujian-t, ANOVA dan analisis Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap guru dan amalan pengurusan kokurikulum di Sekolah Berasrama Penuh berada pada tahap yang rendah. Sehubungan dengan itu semua pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah dan guru perlu mengambil inisiatif yang lebih berkesan agar sikap guru dan amalan pengurusan kokurikulum dapat dipertingkatkan. Sikap guru serta amalan pengurusan yang berkesan mampu meningkatkan kecemerlangan sesebuah sekolah.

RELATIONSHIPS BETWEEN TEACHERS' ATTITUDE TOWARDS CO-CURRICULUM ACTIVITIES AND CO-CURRICULUM MANAGEMENT AT BOARDING SCHOOL IN SELANGOR

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine terelationship between teachers' attitude towards co-curriculum activities and co-curriculum management of Boarding Schools in the state of Selangor. This study employs quantitative approach and a total of 217 teachers from nine Boarding Schools in Selangor were surveyed. The data were analysed for descriptive statistics, t-test, ANOVA and Pearson's correlation analyses. The results show that both teachers' attitude towards co-curriculum activities and co-curriculum management are low. Therefore, relevant authorities such as Ministry of Education Malaysia (MOE), schools and teachers are urged to take initiative so as to improve teachers' attitude and co-curriculum management as these would promote school success.

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xiii
SENARAI RAJAH		xv
SENARAI SINGKATAN		xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Kerangka Teori Kajian	7
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	7
1.6	Tujuan Kajian	9

1.7	Objektif Kajian	10
1.8	Persoalan Kajian	10
1.9	Hipotesis Kajian	11
1.10	Kepentingan Kajian	12
1.11	Batasan Kajian	13
1.12	Definisi Operasi	14
	1.12.1 Sikap	14
	1.12.2 Aktiviti Kokurikulum	15
	1.12.3 Pengurusan Kokurikulum	15
	1.12.4 Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	16
1.13	Rumusan	17

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Kepentingan Kokurikulum	19
2.3	Pengurusan Kokurikulum	20
2.4	Kesediaan Guru Menjalankan Aktiviti Kokurikulum	21
2.5	Sikap Guru	23
2.6	Landasan Teori	24
2.6.1	Teori Percanggahan Kognitif	24
	Leon Festinger (1957)	
2.6.2	Teori Tindakan Bersebab	26
	Fishbein dan Ajzen (1975)	

2.6.3	Teori Tingkah Laku	28
	Terancang Ajzen (1985)	
2.6.4	Model Sikap Gabungan Tiga Komponen	31
2.6.5	Implikasi Teori Dan Model Sikap Terhadap Kajian	34
2.6.6	Teori Pengurusan Saintifik Taylor (1856-1915)	38
2.6.7	Teori Organisasi Klasik Henri Fayol (1841-1925)	39
2.6.8	Teori Pendekatan Hubungan Manusia Massry Parker Follet (1880-1933)	40
2.6.9	Model Pengurusan Gagasan Stoner dan Wankel (1996)	41
2.6.10	Implikasi Teori Pengurusan Terhadap Kajian	44
2.7	Kesan Aktiviti Kokurikulum Ke Atas Peribadi Pelajar	47
2.8	Kajian Dalam Negara	47
2.9	Kajian Luar Negara	50
2.10	Rumusan	52

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Populasi dan Persampelan	55

3.4	Instrumen Kajian	56
3.4.1	Pembinaan Instrumen Kajian	57
3.5	Kajian Rintis	61
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	63
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	65
3.8	Kaedah Penganalisaan Data	66
3.8.1	Analisis Statistik Deskriptif	66
3.8.2	Analisis Statistik Inferensi	69
3.9	Rumusan	72
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	73
4.2	Pemeriksaan Data Kajian	74
4.3	Latar Belakang Responden	75
4.4	Analisis Soalan dan Hipotesis Kajian	79
4.4.1	Soalan Kajian 1	79
4.4.2	Soalan Kajian 2	82
4.4.3	Soalan Kajian 3	86
4.4.4	Soalan Kajian 4	87
4.4.5	Soalan Kajian 5	89
4.4.6	Soalan Kajian 6	90
4.4.7	Soalan Kajian 7	91
4.4.8	Soalan Kajian 8	92

4.5	Rumusan	94
-----	---------	----

BAB 5
PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan Dapatan	96
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	98
5.3.1	Analisis Demografi Responden Kajian	98
5.3.2	Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum	99
5.3.3	Amalan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	100
5.3.4	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Jantina (<i>Ho1</i>)	101
5.3.5	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Kehadiran Berkursus (<i>Ho2</i>)	102
5.3.6	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Tempoh Penglibatan (<i>Ho3</i>)	103


5.3.7	Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Komponen Kognitif Dengan Amalan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru (<i>Ho4</i>)	104
5.3.8	Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Komponen Afektif Dan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru (<i>Ho5</i>)	106
5.3.9	Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Komponen Tingkah Laku Dan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru (<i>Ho6</i>)	108
5.4	Implikasi Kajian	110
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	112
5.6	Rumusan	113

RUJUKAN 114

LAMPIRAN

Lampiran A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari EPRD 122Lampiran B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari BPSBPSK 123Lampiran C Instrumen Kajian 124Lampiran D Senarai Pakar 130


Lampiran E	Jadual Penentu Saiz Sampel Kajian	131
------------	-----------------------------------	-----

Lampiran F Keputusan Analisis SPSS 132

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		Muka Surat
3.1	Bilangan Guru Sekolah Berasrama Penuh	56
3.2	Keterangan Skala Likert Bagi Instrumen Kajian	60
3.3	Pembahagian Item Soal Selidik	61
3.4	Bilangan Responden Berdasarkan Jantina Dalam kajian Rintis	62
3.5	Jadual Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Kajian	65
3.6	Soalan Kajian dan Jenis Pengukuran	67
3.7	Pemeringkatan Skor Tahap Sikap Guru Terhadap Kokurikulum	68
3.8	Pemeringkatan Skor Tahap Amalan Pengurusan Kokurikulum	69
3.9	Hipotesis Kajian, Jenis Pengukuran, Pemboleh Ubah dan Jenis Analisis	69
3.10	Kekuatan dan Nilai Pekali Korelasi	71
4.1	Taburan Responden Mengikut Sekolah di Selangor	76
4.2	Taburan Responden	77
4.3	Tahap Pemeringkatan Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum	79
4.4	Min Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum	80
4.5	Sub Komponen Min Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum	81
4.6	Tahap Amalan Pengurusan kokurikulum Dalam Kalangan Guru	83
4.7	Min Amalan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	84
4.8	Min Perbezaan Sikap guru Terhadap aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Jantina	86
4.9	Min Perbezaan Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum Berdasarkan Kehadiran Berkursus	88

4.10	Anova Satu Hala Perbezaan Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Tempoh Penglibatan	89
4.11	Hubungan Sikap Kognitif Terhadap Pengurusan Kokurikulum	91
4.12	Hubungan Sikap Afektif Terhadap Pengurusan Kokurikulum	92
4.13	Hubungan Sikap tingkah Laku Terhadap Pengurusan Kokurikulum	93



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	9
2.1 Teori Tindakan Bersebab	26
2.2 Teori Tingkah Laku Terancang	29
2.3 Model Sikap Rangkaian Tiga Komponen	32
2.4 Hubungan Pemboleh Ubah Bebas Dengan Teori dan Model Sikap	38
2.5 Model Pengurusan	42
2.6 Hubungan Antara Teori dan Model Pengurusan Dengan Pemboleh Ubah Bersandar	46

SENARAI SINGKATAN

BKK	Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPSBPSK	Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
GERKO	Gerak Kerja Kokurikulum
IPBA	Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa
IPPK	Instrumen Pemantauan Pengurusan Kokurikulum
IPSPPK	Instrumen Pemastian Standard Pengurusan Program Kokurikulum
KPLI	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SPSS	<i>Statistical Package for Sosial Sciences</i>
TOK	Teori Organisasi Klasik
TPHM	Teori Pendekatan Hubungan Manusia
TPK	Teori Percanggahan Kognitif
TPS	Teori Pengurusan Saintifik
TTB	Teori Tindakan Bersebab
TTT	Teori Tingkah Laku Terancang

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perubahan dan keberkesanan pelaksanaan sistem pendidikan dalam sebuah negara sering kali dikaitkan dengan kecemerlangan kepemimpinan dan kualiti guru-guru dalam sebuah sekolah. Pelbagai aktiviti kokurikulum telah dilaksanakan di sekolah. Menurut Yusnizam (2008) penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum menggalakkan perkembangan keseluruhan individu pelajar itu. Penglibatan pelajar dapat menghasilkan kesan yang positif yang dapat dilihat daripada ciri-ciri penghargaan sendiri pelajar yang tinggi, keupayaan untuk mengawal kehidupan sendiri, mempunyai aspirasi dan pencapaian akademik yang tinggi di samping penglibatan dalam aktiviti sosial dan politik yang cemerlang.

Sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan, pelaksanaan kegiatan kokurikulum di semua sekolah adalah wajib (Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996/ Akta 550). Keingkaran melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah suatu kesalahan dan jika pentadbir disabitkan bersalah mereka boleh dijatuhi hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali di bawah penalti am.

Ramai guru malah pengetua tidak menyedari bahawa mereka wajib melaksanakan kegiatan kokurikulum sama seperti melaksanakan kurikulum di dalam kelas. Menurut Ismail Ibrahim (2007), Masyarakat menganggap pelaksanaan kokurikulum adalah inisiatif daripada pihak sekolah semata-mata.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang kokurikulum sebagai pelengkap kurikulum telah lama wujud dalam institusi pendidikan. Menurut Yusnizam (2008), bidang ini sering diabaikan khususnya dari aspek pengurusan dan perancangannya sehingga banyak tenaga dan masa terbuang begitu sahaja.

Langkah kerajaan menetapkan sepuluh peratus penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sebagai syarat kemasukan ke pusat pengajian tinggi memperlihatkan kepentingan kokurikulum dalam menentukan masa depan pelajar. Ini bermakna guru sebenarnya memikul tanggungjawab yang besar dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah untuk memastikan penglibatan pelajar berada pada tahap optimum. Sistem pendidikan negara yang terlalu mementingkan

bidang akademik menyebabkan pelaksanaan kokurikulum yang kurang memberangsangkan di peringkat sekolah. Menurut Mohammed Sani Ibrahim (2007), sistem pendidikan di Malaysia masih mementingkan peperiksaan. Kejayaan sekolah diukur dari segi pencapaian pelajarinya dalam peperiksaan. Menurutnya lagi, sekolah yang berjaya menghasilkan 90% hingga 100% kejayaan dalam sesuatu peperiksaan dianggap sebagai sekolah yang luar biasa dari sekolah lain walaupun saingannya dapat menghasilkan ahli sukan bertaraf dunia. Ini memperlihatkan pandangan *stereotype* yang perlu diperbetulkan agar kejayaan dalam bidang kokurikulum juga diberi pengiktirafan yang sama.

Di dalam buku Pembangunan Pendidikan 2001-2010 turut dinyatakan bahawa semua peringkat pendidikan masih memberi penekanan kepada kecemerlangan akademik berbanding aktiviti kokurikulum. Jika pengabaian terhadap kegiatan kokurikulum masih berterusan, hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menghasilkan pelajar yang seimbang tidak akan tercapai. Oleh itu, kepentingan kegiatan kokurikulum harus diberi perhatian yang serius dan pelaksanaan kokurikulum di peringkat sekolah perlu dipertingkatkan seiring dengan bidang kurikulum agar matlamat pendidikan dapat direalisasikan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah memberikan perhatian yang serius dalam bidang kokurikulum, setiap guru perlu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum secara serius selain tidak mengabaikan tugas kurikulum sekolah. Guru

seharusnya sedar aktiviti kokurikulum juga merupakan satu tugas rasmi, sehubungan itu seorang guru amat memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Kebijaksanaan guru dalam merancang, mengelola, melaksana serta menilai setiap aktiviti dapat menentukan keberkesanan pelaksanaan kokurikulum di sekolah.

Kajian ini mengutarakan beberapa permasalahan. Antara permasalahan yang dikenalpasti ialah kurangnya minat dan kemahiran dalam kalangan guru-guru kokurikulum di sekolah. Menurut Hanishah Mohd (2006), penglibatan guru-guru dalam aktiviti kokurikulum selama ini adalah seperti 'melepaskan batuk di tangga'. Guru menganggap aktiviti kokurikulum sebagai suatu tugas yang membebankan. Dapatan kajian Abdul Halim Abdul Malek (2005), menunjukkan bahawa salah satu punca masalah pengurusan kokurikulum di sekolah adalah kurangnya kemahiran guru penasihat dalam unit kokurikulum yang dibimbingnya. Pihak sekolah perlu menyediakan peluang kepada guru-guru untuk meningkatkan kemahiran mereka. Beliau juga mendapati guru menghadapi masalah untuk mempelbagaikan aktiviti persatuan atau pasukan beruniform supaya mengekalkan minat pelajar. Aspek ini berkait rapat dengan kurangnya kemahiran dan pengetahuan guru penasihat tersebut.

Menurut Wong Mei Ling (2008), guru permulaan lemah dalam pengurusan kokurikulum dan sukan. Dapatan negatif yang paling kerap diperkatakan ialah tentang guru-guru yang masih kurang cekap mengendalikan kegiatan kokurikulum, guru yang tidak mempunyai kemahiran dan guru yang tidak terlatih dalam 4K, iaitu kebolehan mengurus, kemahiran, kepegawaian dan kejurulatihan.

Masalah lain ialah seperti, kekurangan pengalaman guru dalam bidang kokurikulum. Setiap guru mempunyai pengalaman yang berbeza. Walau bagaimanapun guru di negara ini lahir daripada sistem pendidikan yang sama, di mana kecemerlangan akademik amat ditekankan. Namun mungkin ramai di antara guru tidak mempunyai latar belakang serta pengalaman penglibatan dalam kegiatan kokurikulum. Kenyataan ini disokong oleh kajian Abdul Halim Abdul Malek (2005), yang mendapati guru menghadapi masalah kerana kurang pengalaman dalam bidang kokurikulum.

Walaupun bagaimanapun guru-guru lepasan institusi pendidikan guru mempunyai kelebihan kerana dalam tempoh latihan perguruan, mereka diwajibkan mengambil bahagian dalam gerak kerja kokurikulum (GERKO), berbanding dengan guru-guru lepasan ijazah atau diploma pendidikan. Walaupun bagaimanapun, latihan yang diterima semasa di institusi pengajian tinggi dan maktab perguruan tidak menyediakan guru dengan pengalaman sebenar di sekolah Aliza Alias (2007). Disebabkan latar belakang yang berbeza, pengetahuan yang terhad dan kurang pengalaman, maka terdapat guru yang tidak berminat terhadap tugas-tugas mengurus kegiatan kokurikulum, selain menganggap tugas tersebut sebagai bebanan dan bertindak sambil lewa terhadap kegiatan kokurikulum yang diamanahkan kepada mereka.

Permasalahan seterusnya yang dikenalpasti adalah kekurangan kursus-kursus pengurusan kokurikulum yang dianjurkan untuk guru. Menurut Mohammed Sani Ibrahim (2007), 95% daripada guru-guru siswazah tidak berpeluang mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan tahap pengajaran mereka.

Tambahan pula, kursus yang betul-betul memenuhi keperluan pengurusan

kokurikulum sekolah seperti melatih kebolehan mengurus, merancang aktiviti dan meningkatkan pengetahuan guru berkaitan kurikulum persatuan dan kemahiran-kemahiran dalam bidang permainan tidak ditawarkan. Selain itu, sikap dilihat sebagai faktor dalaman yang menjadi asas kepada kecenderungan guru untuk bertindak mengamalkan pengurusan kokurikulum. Sikap agak konsisten dan sukar diubah. Oleh itu, sikap amat berpengaruh terhadap tingkah laku atau amalan (Werner & DeSimone, 2009). Menurut Mohd Fuad (2008), pembabitan guru yang kurang memuaskan dalam kokurikulum berpunca daripada sikap guru sendiri. Guru tidak kreatif dan inovatif dalam menentukan aktiviti seperti khidmat masyarakat dan rekreasi sesuai dengan tahap perkembangan pelajar. Faktor ini akan menyebabkan pengurusan guru dalam kokurikulum menghadapi masalah. Menurut (Stoner & Wankel, 1996) kemahuan atau penolakan guru mengurus aktiviti kokurikulum merupakan faktor dominan dalam kejayaan pelaksanaan kokurikulum. Guru perlu bertindak sebagai pengurus yang berwibawa dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Guru juga mestilah menukar peranannya dan cepat bertindak pada masa-masa tertentu. Sikap guru turut dipengaruhi oleh persekitaran semasa dan latar belakang guru itu sendiri.

Menurut Mohd Sofian Omar Fauzee (2003), sistem pendidikan terlalu berorientasikan kejayaan dalam peperiksaan sehingga kokurikulum dipandang remeh walaupun kedua-duanya merupakan komponen yang saling berkaitan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa sikap merupakan punca kepada tingkah laku yang ditunjukkan guru termasuk amalan pengurusan persatuan di bawah kendalian mereka. Sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum adalah titik tolak kepada niat guru sama ada mahu melakukan atau tidak melakukan amalan pengurusan tersebut.

1.4 Kerangka Teori Kajian

Menurut Ghazali Darusalam (2003), kerangka teori kajian bermaksud satu set gambarajah yang memandu kepada proses penyelidikan menghubungkan antara beberapa idea dan komponen penyelidikan serta mencakupi aliran teori kajian yang digunakan termasuklah persoalan kajian, hipotesis kajian, tinjauan literatur dan metodologi kajian.

Memandangkan pengkaji ingin mengetahui sikap guru dalam pengurusan kokurikulum sekolah berasrama penuh (SBP), maka pengkaji telah memilih tiga teori sikap dan tiga teori pengurusan. Teori sikap yang digunakan ialah Teori Percanggahan Kognitif (TPK) oleh Leon Festinger (1957), Teori Tindakan Bersebab (TTB) Fishbein dan Ajzen (1975) dan Teori Tingkah Laku Terancang (TTT) oleh Azjen (1985). Sementara itu, teori pengurusan yang digunakan sebagai panduan dalam penyelidikan ialah Teori Pengurusan Saintifik (TPS) oleh Frederick W. Taylor (1915), Teori Organisasi Klasik (TOK) oleh Henri Fayol (1925), Teori Pendekatan Hubungan Manusia (TPHM) oleh Elton Mayo (1949). Dengan berlandaskan teori sikap dan teori pengurusan di atas dan penerangan selanjutnya di bab dua dalam tinjauan literatur, pengkaji telah membentuk kerangka konsep seperti di Rajah 1.1.

1.5 Kerangka Konseptual Kajian


Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara sikap guru kokurikulum dengan amalan pengurusan kokurikulum di SBP. Aspek kognitif, afektif dan tingkah

laku merupakan pemboleh ubah bebas yang digunakan bagi mengkaji elemen sikap guru.

Pemboleh ubah bebas kajian berdasarkan gabungan teori dan model berkaitan sikap, seperti Teori Percanggahan Kognitif oleh Leon Festinger, Teori Tindakan Bersebab oleh Ajzen dan Fishbein dan Teori Tingkah Laku Terancang oleh Azjen. Model yang dijadikan asas pemboleh ubah bebas kajian pula diadaptasikan daripada Model Afektif, Tingkah Laku dan Kognitif dan dikenali juga sebagai Model ABC (Eagly & Stroebe, 1995 ; Franzoi, 1996; Smith & Mackei, 1995; Stahlberg & Frey, 1992).

Pemboleh ubah bersandar kajian pula ialah amalan pengurusan dalam kokurikulum. Pemboleh ubah bersandar diwakili oleh teori dan model pengurusan. Antaranya Teori Pengurusan Saintifik Taylor (1915), Teori Pengurusan Klasik Fayol (1925) dan Teori Hubungan Manusia Elton Mayo (1949). Model pengurusan yang dihubungkan dengan pemboleh ubah bersandar pula ialah model pengurusan yang disarankan dalam (Stoner & Wankel 1996). Kerangka konsep seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.1 memperlihatkan elemen-elemen yang diukur dalam pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar di samping mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut.

RAJAH 1.1 : Kerangka Konsep Dalam Kajian Sikap Guru Dalam Pengurusan Kokurikulum



RAJAH 1.1. Menunjukkan kerangka konsep dalam kajian sikap guru dalam pengurusan kokurikulum. Sumber yang telah diubahsuai daripada Jaggil Apak (2010).

1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan pengurusan kokurikulum SBP. Sikap merupakan faktor yang penting bagi menjelaskan persepsi sebenar guru terhadap aktiviti kokurikulum. Sikap membentuk motivasi dalaman guru. Oleh itu, faktor kritikal yang boleh dianggap penentu dalam kajian ini ialah sikap guru sebagai pengurus kokurikulum di sekolah.

Bagi mendapatkan maklumat tentang pengurusan pula pengkaji membuat kajian berdasarkan kebolehan merancang, melaksana, memimpin dan menilai terhadap pengurusan kokurikulum di SBP.

1.7 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum di SBP.
- b) Mengenal pasti amalan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru di SBP.
- c) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum berdasarkan jantina, kehadiran berkursus dan mengikut tempoh penglibatan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum.
- d) Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara komponen sikap kognitif, afektif dan tingkah laku dengan amalan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru.

1.8 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian persoalan kajian yang telah dibentuk adalah seperti berikut:

- a) Adakah guru mempunyai sikap yang positif terhadap aktiviti kokurikulum di SBP ?.
- b) Adakah guru mempunyai tahap amalan yang tinggi terhadap pengurusan kokurikulum di SBP ?.
- c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum berdasarkan jantina?.
- d) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum berdasarkan kehadiran berkursus?.
- e) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum mengikut tempoh penglibatan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum?.